

SOALAN LAZIM (FAQ) BERKENAAN INISIATIF PENDIGITALAN PKS

<p>1</p>	<p><u>Apakah Inisiatif Pendigitalan PKS?</u></p> <p>Inisiatif Pendigitalan PKS adalah geran inisiatif yang disediakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia bagi membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk menggunakan perkhidmatan digital dalam operasi perniagaan harian.</p> <p>Seperti yang diumumkan di dalam Pembentangan Belanjawan 2020, Kerajaan akan menyediakan geran padanan berjumlah 50% sehingga RM5,000 bagi setiap PKS yang layak bagi langganan perkhidmatan digital untuk meningkatkan daya saing dan produktiviti perniagaan. Menerusi Inisiatif ke-9 Pemeraksa yang diumumkan pada Mac 2021, sektor Koperasi telah diberi peluang untuk turut menikmati inisiatif ini</p>
<p>2</p>	<p><u>Apakah Butiran Geran Inisiatif Pendigitalan PKS?</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i) Geran Geran padanan ini terhad untuk satu (1) permohonan sahaja bagi setiap PKS/Koperasi ("Pemohon"). Walaubagaimanapun, Pemohon dibenarkan untuk memohon sehingga tiga (3) jenis perkhidmatan digital dengan satu atau lebih pembekal perkhidmatan pendigitalan yang berdaftar dengan MDEC ("Pembekal Perkhidmatan") ii) Tempoh Sah Geran ini dibekalkan oleh Kerajaan untuk tempoh lima (5) tahun bermula 17 Februari 2020 atau apabila mencapai 100,000 permohonan, yang mana terdahulu. iii) Yuran Tiada yuran dikenakan.
<p>3</p>	<p><u>Apakah Perkhidmatan Digital yang boleh didapati dibawah Inisiatif Pendigitalan PKS?</u></p> <p>Terdapat tujuh (7) jenis perkhidmatan digital yang boleh dipilih seperti dibawah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Sistem <i>Electronic Point of Sale</i> (e-POS) ii) Sistem Penggajian Sumber Manusia (HR) / <i>Customer Relationship Management</i> (CRM) iii) Pemasaran Digital / Jualan iv) Perolehan v) <i>Enterprise Resource Planning</i> (ERP) / Perakaunan & Cukai vi) Kerja Jarak Jauh (<i>Remote Working</i>) vii) E-Dagang
<p>4</p>	<p><u>Siapakah yang layak untuk memohon Inisiatif Pendigitalan PKS?</u></p> <p>Pemohon yang memenuhi kriteria di bawah adalah layak dan digalakkan untuk memohon:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Terbuka kepada PKS dan Koperasi yang berdaftar di bawah Akta yang relevan di Malaysia ii) PKS dimiliki oleh sekurang-kurangnya 60% individu warganegara Malaysia;

	<ul style="list-style-type: none"> iii) PKS/Koperasi telah beroperasi sekurang-kurangnya enam (6) bulan; iv) PKS/Koperasi mempunyai jumlah purata jualan tahunan minimum sebanyak RM50,000
5	<p><u>Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon inisiatif ini?</u></p> <p>Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Borang permohonan Inisiatif Pendigitalan PKS yang telah dilengkapkan. ii) Salinan kad pengenalan atau passport Pemilik Tunggal/Pengarah / Rakan Kongsi PKS / pemohon yang dilantik Koperasi, yang mana berkenaan. iii) Salinan lesen pendaftaran PKS (SSM atau lain-lain borang seumpamanya di bawah Akta Syarikat 2016). Bagi koperasi, salinan sijil pendaftaran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) iv) Penyata akaun beraudit terkini atau penyata akaun pengurusan kewangan terkini atau penyata bank PKS/Koperasi untuk dua (2) bulan terakhir; v) Sebut harga/inbois pembayaran daripada Pembekal Perkhidmatan yang disenaraikan oleh MDEC; dan vi) Dokumen dan maklumat lain yang diperlukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
6	<p><u>Bagaimanakah cara-cara permohonan Inisiatif Pendigitalan PKS?</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i) Pemohon hendaklah berkomunikasi dan melantik salah satu atau lebih panel Pembekal Perkhidmatan yang disenaraikan oleh MDEC untuk melaksanakan mana – mana perkhidmatan digital yang disediakan (maksimum 3 jenis perkhidmatan digital). ii) Pemohon hendaklah melengkapkan dan menghantar borang permohonan berserta dokumen yang diperlukan kepada Pembekal Perkhidmatan; iii) Pembekal Perkhidmatan hendaklah mengemukakan permohonan geran berserta dokumen sokongan daripada Pemohon kepada pihak Bank. iv) Setelah permohonan diluluskan, Pemohon perlu membayar jumlah perbezaan bagi keseluruhan inbois selepas ditolak amaun subsidi yang diberikan di bawah Inisiatif bagi setiap perkhidmatan digital kepada Pembekal Perkhidmatan. v) Pihak Bank akan membuat pembayaran terus sebanyak 50% daripada keseluruhan jumlah inbois atau sehingga RM5,000.00 kepada Pembekal Perkhidmatan secara penuh atau secara berperingkat mengikut budi bicara Bank.
7	<p><u>Bagaimanakah cara-cara untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai Inisiatif ini?</u></p> <p>Untuk maklumat lanjut berkaitan Inisiatif ini, sila hubungi:-</p> <p>MDEC (Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd) 1-800-88-8338</p> <p>BSN (Bank Simpanan Nasional) 1-300-88-1900</p>

Di bawah adalah senarai nama pegawai untuk dihubungi berkaitan status permohonan inisiatif ini.

NO.	NEGERI	PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI	NO. TELEFON	SAMB.
1	SELANGOR	Nur Hidayah Abdul Kadir Fariza Elina Ghazali Jumiati Binti Hapaid	03-5543 3000 / 5543 (DID)	72206 20654 20656
2	K.LUMPUR	Mohd Haidar Hadri Ma'min Nor Shazeni Bin Misni	03-2028 3222/ 2028 (No. DID)	71714 17308
3	KEDAH	Mohd Suhaimi Abd.Ghaffar Sharifah Noor Hartilia Binti Syed Hamzah	04-7740 444 / 04-7740 (No. DID)	73062 30412
4	PENANG	Abdul Hakim M.Zainuddin Noorasidah Noordin	04-222 6400 / 04-222 (No. DID)	73107 36595
5	PERAK	Nuraida Mohd Suhi Nabaila Mohd radoan	05-2452222 / 05-245 Samb. DID	73207 32328
6	N.SEMBILAN	Iza Shafinaz Mohamed Ahmad Muzamier Abdullah	06-768 6500 / 06-768 Samb. DID	74208 46529
7	MELAKA	Norhassida Johari Azan Zainudin	06-289 5800 / 06-289 (No. DID)	74103 45844
8	JOHOR	Radzuwan Ibrahim Khalid Ibrahim	07-208 3555/ 07-208 (No. DID)	74007 43649
9	PAHANG	Nordin Abdul Talip Mohamad Faizul Amir	09-565 0565 / 09-565 (No. DID)	75007 50533
	TERENGGANU	Azmi Mohd Noh Qhatrun Naada Khalir	09-6200 400/ 09-6200 (No. DID)	75207 52507
11	KELANTAN	Nurulaisah Mohamed Siti Nor Azma Binti Rameli	09 – 745 7070/ 09-745 (No. DID)	75109 57236
12	SABAH	Jowita @ Norhayati Mujin Maccandy Loasi	088-355 600/ 355 DID	76610 61789
13	SARAWAK	Jamilah Abdul Kadir Ted Welter AK Lana	082-227 800 / 082-227 (No. DID)	76008 60406

Namun, sekiranya permohonan yang diproses melebihi 14 hari bekerja tanpa ada sebarang status, sila email pemakluman kepada microbiz@bsn.com.my. Sila nyatakan informasi seperti di bawah:

Nama SME:

Nama Vendor

Tarikh Hantar Permohonan:

Lokasi Hantar Permohonan:

Hantar melalui: Walk in/Pos

Jumlah inbois

Kemaskini pada April 2021